

---

## PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

---

**Bilangan 9 Tahun 2021**

**Semua Pelajar  
Universiti Teknologi MARA**

Saudara/Saudari

### **INISIATIF PELAKSANAAN KAD PRIHATIN SISWA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri menerusi Kementerian Pengajian Tinggi, setelah berunding dengan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan ( MPPK) pada Jun 2020 telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif Kad Prihatin Siswa bagi semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

3. Program ini merupakan satu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bersama-sama Universiti Awam di Malaysia bagi melaksanakan inisiatif penjimatan kewangan, cashless campus, smart campus, identiti siswa dan mewujudkan ekosistem kewangan yang lebih baik kepada siswa, pengurusan universiti, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ( PTPTN) dan KPT.

4. Objektif Pelaksanaan Kad Prihatin Siswa ini adalah:-

- 4.1 Memperkasa dan mempelbagaikan fungsi kad matrik pelajar IPT.
- 4.2 Memudahkan penyaluran peruntukan atau bantuan terus kepada akaun pelajar
- 4.3. Transformasi ekosistem transaksi kewangan di IPT ke aras cashless kampus
- 4.4. Menyeragamkan kemudahan atau fasiliti dan tawaran / keistimewaan/ ganjaran/ promosi kepada pelajar IPT

5. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas ) bertarikh 25 November 2021 telah berkeputusan untuk meluluskan terma perjanjian antara RHB Bank Berhad dan UiTM bagi syarat-syarat pelaksanaan Kad Prihatin Siswa UiTM, Kolaborasi Antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Bersama RHB Bank Berhad. Di bawah Personal Data Protection Act 2010, semua pelajar UiTM perlu memberi kebenaran kepada UiTM untuk menyalurkan maklumat yang berkaitan kepada RHB Bank Berhad bagi tujuan pengeluaran Kad Prihatin Siswa. Semua pelajar UiTM yang baharu dan sedia ada diwajibkan untuk memberi kebenaran dan menyalurkan maklumat peribadi mereka kepada pihak RHB Bank Berhad bagi tujuan pembukaan Kad Prihatin Siswa.

6. Pelaksanaan Kad Prihatin Siswa UiTM akan diuruskan dengan kerjasama pihak RHB Bank Berhad dengan dipandu oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwat Pelajar dengan sokongan dan kerjasama pintar (smart partnership) merentasi pelbagai jabatan dan pusat tanggungjawab di UiTM iaitu Pejabat Bendahari, Jabatan Infostruktur, Bahagian Hal Ehwat Akademik, Bahagian Pengambilan Pelajar, Institut Pengajian Siswazah (IPSiS), Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (iCEPS) serta seluruh Kampus UiTM Negeri/ Cawangan.

7. Sehubungan itu, bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Kad Prihatin Siswa di Universiti Teknologi MARA, pihak saudara/saudari diminta untuk menyempurnakan persetujuan dengan melayari aplikasi/sistem UFuture, Student Portal dan My Student mulai 15 hingga 30 Disember 2021. Perkara ini bertujuan untuk membenarkan pihak RHB Bank menggunakan maklumat peribadi yang diberikan oleh pihak Universiti untuk tujuan pelaksanaan manfaat inisiatif Kad Prihatin Siswa seperti berikut:

7.1. Pembukaan akaun bank dengan pihak RHB Bank Berhad.

7.2. Pengeluaran kad debit oleh pihak RHB Bank Berhad kepada pihak saudara/ saudari.

7.3. Pembukaan akaun e-wallet atau pendaftaran untuk kemudahan pembayaran tanpa tunai dengan rakan e-wallet Bank atau mana-mana penyedia kemudahan pembayaran tanpa tunai yang berkolaborasi dengan pihak Bank, tertakluk kepada terma-terma yang akan dipersetujui antara saudara/saudari dengan rakan e-wallet Bank atau mana-mana penyedia kemudahan pembayaran tanpa tunai yang berkolaborasi dengan pihak RHB Bank Berhad.

7.4. Membenarkan akaun bank yang dibuka oleh pihak RHB Bank Berhad dihubungkan dengan akaun e-wallet atau kemudahan pembayaran tanpa tunai yang lain tertakluk kepada terma-terma yang akan dipersetujui antara pihak saudara/ saudari dengan rakan e-wallet Bank atau mana-mana penyedia kemudahan pembayaran tanpa tunai yang berkolaborasi dengan pihak RHB Bank Berhad.


8. Adalah menjadi harapan saya agar semua pelajar dapat bersama-sama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi serta Universiti Teknologi MARA untuk menjayakan inisiatif Pelaksanaan Kad Prihatin Siswa di seluruh sistem UiTM yang pastinya akan memberikan pelbagai insentif dan manfaat kepada saudara dan saudari sebagai warga pelajar di universiti ini.

Sekian dimaklumkan.

Terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar



**PROF. DR MOHD SAZILI BIN SHAHIBI**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Bil. Fail : 100-HEP(PT.6/5)  
No Siri : 100-HEP(Bil. 9/2021)  
Tarikh : 13 Disember 2021

- s.k
1. Y.B Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
  2. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
  3. Naib Canselor UiTM
  4. Timbalan Naib Canselor ( Akademik dan Antarabangsa)
  5. Timbalan Naib Canselor ( Penyelidikan dan Inovasi)
  6. Timbalan Naib Canselor ( Jaringan Industri , Masyarakat dan Alumni)
  7. Timbalan Naib Canselor ( Pembangunan)
  8. Penasihat Undang Undang Universiti
  9. Pendaftar
  10. Bendahari
  11. Ketua Pustakawan
  12. Dekan Fakulti
  13. Rektor Kampus
  14. Ketua Bahagian / Pengetua/ Pusat/ Unit (Hal Ehwal Pelajar)
  15. Ketua Polis Bantuan
  16. Yang Di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Sesi 2020/2021
  17. Fail